

Statement by Reproductive Rights Advocacy Alliance Malaysia (RRAAM)

Doctors Have a Duty to Protect

Safe Abortion Access is a Health and Human Rights Issue

28 May 2025

Reproductive Rights Advocacy Alliance Malaysia (RRAAM) stands in solidarity with the woman in Melaka who was jailed for using medical abortion pills in May 2025. [Full news.](#)

More than 100,000 abortions are estimated to take place in Malaysia every year. According to RRAAM's 2024 annual report, around 65% of RRAAM's hotline clients seek information on medical abortion. However, the government continues to dismiss the urgent need to register medical abortion pills, and resists integrating this care into the public healthcare system.

Our laws remain stuck in the past. Malaysia's abortion laws, inherited from the British Empire's 1871 Indian Penal Code, still criminalise women and pregnant people today. Many do not realise abortion is permitted under certain conditions for the majority of women seeking abortions in Malaysia, as outlined in Section 312 of the Malaysian Penal Code. Lack of public information and unclear healthcare pathways leave those seeking care fearful and uncertain.

We are deeply concerned by this case. A person seeking care at a government hospital was reported to authorities by the very doctor she trusted. This betrayal destroys trust in the healthcare system and deters others from seeking care, putting lives and health at greater risk.

We urge healthcare providers to uphold [patient confidentiality](#) as stipulated by the [Malaysian Medical Council \(MMC\)](#). Beyond confidentiality, healthcare providers must also prioritise the safety, dignity, and quality of life of those who seek care.

We must do better. We demand the following:

- **Doctors and healthcare workers must ensure confidentiality, dignity and the quality of life of those seeking abortion care.**
- **The Ministry of Health (MOH) must register both Mifepristone and Misoprostol, as recommended by the World Health Organisation (WHO).**
- **The Ministry of Health (MOH) must publish clear and accessible information on how to access safe abortion care and contraceptive services.**

[WhatsApp the RRAAM Hotline](#) at +6018-3687950 for information on safe abortion options and contraception.

Supported by:

1. *Association of Women Lawyers (AWL)*
2. *Pertubuhan Jaringan Kebajikan Komuniti (JEJAKA)*
3. *Women's Aid Organisation (WAO)*
4. *Persatuan Endometriosis Malaysia (MyEndosis)*
5. *For Youth Initiative Kuala Lumpur (FYIKL)*
6. *Women on Web*
7. *Sisters In Islam (SIS)*
8. *SEED Malaysia*
9. *Kolektif Feminist Malaysia*
10. *SIUMAN Collective*
11. *Society for Equality, Respect And Trust for All (SERATA)*
12. *Parti Sosialis Malaysia (PSM)*
13. *Women's Centre for Change, Penang (WCC)*
14. *PLUHO, People Like Us Hang Out!*
15. *Miso-Miso Asia Alliance for Safe Abortion*
16. *All Women's Action Society (AWAM)*
17. *KL Queer Space*
18. *Life Under Umbrella*
19. *StandUp Malaysia*
20. *Legal Dignity*
21. *Kemban Kolektif*
22. *Mekar Kami*
23. *Minda Psychology Services*
24. *IPPF ESEAOR*
25. *Refugee Emergency Fund (REF)*
26. *Justice for Sisters*

Kenyataan oleh Persatuan Hak Kesihatan Wanita Malaysia (RRAAM)

Doktor Mempunyai Tanggungjawab Melindungi

Akses Pengguguran Selamat adalah Isu Kesihatan dan Hak Asasi Manusia

28 Mei 2025

Persatuan Hak Kesihatan Wanita Malaysia (RRAAM) berdiri teguh bersama wanita di Melaka yang dipenjarakan kerana menggunakan pil pengguguran pada Mei 2025. [Berita penuh.](#)

Dianggarkan lebih 100,000 pengguguran berlaku di Malaysia setiap tahun. Menurut laporan tahunan RRAAM 2024, [kira-kira 65% klien hotline RRAAM mencari maklumat mengenai pengguguran perubatan.](#) Namun, [kerajaan terus mengabaikan keperluan mendesak untuk mendaftarkan pil pengguguran](#) dan menolak untuk mengintegrasikan pil pengguguran ke dalam sistem kesihatan awam.

Undang-undang kita masih terkongkong dalam masa lalu. Undang-undang pengguguran Malaysia yang diwarisi daripada Kanun Keseksaan India 1871 oleh Empayar British masih menganggap wanita dan individu hamil sebagai penjenayah hanya kerana membuat keputusan tentang tubuh mereka sendiri.

Ramai yang tidak sedar bahawa pengguguran dibenarkan di bawah keadaan tertentu bagi majoriti wanita yang ingin mendapatkan pengguguran di Malaysia, seperti yang termaktub dalam Seksyen 312 Kanun Keseksaan Malaysia. Kekurangan maklumat dan laluan penjagaan kesihatan yang tidak jelas menimbulkan ketakutan dan kebimbangan dalam kalangan individu yang ingin mendapatkan rawatan.

RRAAM amat bimbang dengan kes ini. Seorang individu yang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan telah dilaporkan kepada pihak berkuasa oleh doktor yang dipercayainya sendiri. Pengkhianatan ini memusnahkan kepercayaan terhadap sistem kesihatan, menghalang individu daripada mendapatkan rawatan, dan membahayakan nyawa dan kesihatan mereka.

RRAAM menggesa petugas kesihatan untuk menegakkan kerahsiaan pesakit seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia. Lebih daripada itu, petugas kesihatan mesti mengutamakan keselamatan, maruah, dan kualiti hidup mereka yang mendapatkan rawatan.

RRAAM menuntut perkara berikut:

- **Doktor dan petugas kesihatan mesti memastikan kerahsiaan, maruah, dan kualiti hidup individu yang mendapatkan rawatan pengguguran.**

- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mesti mendaftarkan kedua-dua pil pengguguran Mifepristone dan Misoprostol seperti yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation, WHO).**
- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mesti menerbitkan maklumat yang jelas dan mudah diakses mengenai cara mendapatkan rawatan pengguguran selamat dan perkhidmatan pencegah kehamilan.**

[WhatsApp Talian RRAAM](#) di +6018-3687950 untuk maklumat mengenai pilihan pengguguran selamat dan alat pencegah kehamilan.

Disokong oleh:

1. *Association of Women Lawyers (AWL)*
2. *Pertubuhan Jaringan Kebajikan Komuniti (JEJAKA)*
3. *Women's Aid Organisation (WAO)*
4. *Persatuan Endometriosis Malaysia (MyEndosis)*
5. *For Youth Initiative Kuala Lumpur (FYIKL)*
6. *Women on Web*
7. *Sisters In Islam (SIS)*
8. *SEED Malaysia*
9. *Kolektif Feminist Malaysia*
10. *SIUMAN Collective*
11. *Society for Equality, Respect And Trust for All (SERATA)*
12. *Parti Sosialis Malaysia (PSM)*
13. *Women's Centre for Change, Penang (WCC)*
14. *PLUHO, People Like Us Hang Out!*
15. *Miso-Miso Asia Alliance for Safe Abortion*
16. *All Women's Action Society (AWAM)*
17. *KL Queer Space*
18. *Life Under Umbrella*
19. *StandUp Malaysia*
20. *Legal Dignity*
21. *Kemban Kolektif*
22. *Mekar Kami*
23. *Minda Psychology Services*
24. *IPPF ESEAOR*
25. *Refugee Emergency Fund (REF)*
26. *Justice for Sisters*